



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERAKTI

UPM naik tiga anak tangga *ranking* UI-GreenMetric

KUALA LUMPUR – Kedudukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam ranking yang dikeluarkan UI-GreenMetric World University Ranking 2013 baru-baru ini meningkat tiga anak tangga apabila berjaya menduduki *ranking* ke-16 berbanding ke-19 sebelum ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, daripada 301 universiti seluruh dunia yang menyertai penarafan itu, UPM merupakan wakil tunggal dari Asia dan Malaysia mendapat penarafan tertinggi yang mana 15 universiti teratas lain dibolot oleh negara-negara barat.

“Peningkatan *ranking* UPM kerana kecemerlangan dalam mempromosi kelestarian melalui usaha pemuliharaan alam sekitar dan teknologi hijau secara aktif sejak kebelakangan ini.

“Penarafan ini mengambil kira komitmen dan usaha UPM untuk memastikan kelestarian, kehijauan kampus dan alam sekitarnya seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau selain penggunaan tenaga yang cekap di kampus,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.